



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	SPAN / PAAB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Projek LAR Langat 2 siap 80 peratus

Hulu Langat: Fasa pertama Loji Rawatan Air (LAR) Langat 2 yang dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir 2022 bakal memberi manfaat air bersih dan terawat kepada purata 350,000 membabitkan kira-kira 1.87 juta pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Abdul Hadi Ali berkata, kemajuan keseluruhan projek LAR Langat 2 sudah 80.33 peratus siap setakat 31 Disember lalu.

Katanya, PAAB bertanggungjawab membangunkan LRA Langat 2 yang merangkumi 23 pakej membabitkan kawasan termasuk Hulu Langat, Cheras, Sungai Besi, Bukit Jalil, Petaling Jaya, Bandar Kinrara, Bukit Dengkil, Ampang serta Keramat AU3.

“Projek LRA Langat 2 ini



FASA pertama LAR Langat 2 dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir 2022.

adalah terbesar di Asia Tenggara yang mula dibina pada Mac 2014.

“LRA Langat 2 ini berupaya membekalkan keperluan 1,130 juta liter air sehari (MLD) kepada penduduk di

Lembah Klang, sekali gus meningkatkan rizab bekalan air di Selangor.

“Kerajaan Persekutuan bersetuju membina LRA Langat 2 dengan kos RM4 bilion bagi menampung ke-

perluan dan permintaan tinggi bekalan air di Lembah Klang berbanding RM3.7 bilion sebelum ini,” katanya di majlis pelancaran Program PAAB *Schools Sustainability* di sini, semalam.